



AKSI final UTM dan UiTM Kedah.

UPM juara olahraga IPT

PASUKAN tuan rumah Universiti Putra Malaysia (UPM) menepati ramalan apabila mengungguli Kejuhan Olahraga Pra Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia (SUKIPT) di Stadium Putra Serdang, baru-baru ini.

Pasukan UPM yang dibarisi hampir keseluruhan atlet pelapis dan bekas atlet negara memperoleh 12 emas dan lima perak manakala pasukan SUKMA Selangor menduduki tempat kedua dengan enam emas, tujuh perak dan tiga gangsa.

Ini diikuti Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) yang meraih tiga emas, lima perak dan dua gangsa.

Lebih 25 pasukan IPT dan pasukan jemputan iaitu Sukma dan Pelapis Johor serta Selangor turut menyertai kejuhan yang menjadi pentas memanaskan badan.

Penyelaras Kejuhan dan merangkap Penolong Pengurus Pasukan Olahraga Malaysia ke Sukan Universiti ASEAN, Muhamad Firdaus Abdullah, berkata kejuhan itu juga

dijadikan peluang pemilihan atlet ke Sukan Universiti ASEAN di Laos Disember ini.

Antara atlet ternama yang menyertai kejuhan dua hari itu ialah Zabidi Gazali yang memenangi acara 200 meter (m), Ghanthi Mathi mengungguli emas bagi acara 800 m dan 1500 m, Noramira Mohd Nafiah dalam acara lompat jauh, Kanathesan bagi acara 400 m lelaki.

Tidak ketinggalan pemenang pingat Perak Sukan SEA Laos dan Indonesia, pingat Emas Sukan Universiti ASEAN 2008 di Kuala Lumpur dan Sukan Universiti ASEAN Thailand 2010 juga pemegang rekod kebangsaan acara lontar peluru, Adi Aliffudin Hussin.

Bekas atlet IPT yang juga atlet elit negara termasuk Robani Hassan dan Norjannah Hafisah Jamaludin turut mewarnai temasya.

Sebanyak 16 acara lelaki dan 16 acara wanita dipertandingkan dengan lebih 180 pingat ditawarkan pada kejuhan berkenaan.



PEMENANG 100 m Wanita, Norjannah Hafiszah Jamaludin, Nurhaslinda Md Husin dan Masliza Sulaiman di Stadium Putra Serdang, baru-baru ini.